



UNTUK SIARAN SEGERA

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

TAHNIAH ATLET PARALIMPIK MALAYSIA LAKAR SEJARAH MENANG 2 EMAS

Saya amat berbangga dan mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada atlet Orang Kurang Upaya (OKU) Malaysia yang memenangi pingat emas dalam sukan Paralimpik Rio 2016, Brazil.

Kejayaan dua atlet paralimpik ini bukan sahaja telah berjaya mengharumkan nama negara, tetapi juga telah menjulang martabat serta nama Malaysia dalam menonjolkan atlet dalam golongan OKU yang berprestasi tinggi dan berwibawa kepada negara.

Kejayaan mereka membuktikan cabaran fizikal dimiliki bukanlah halangan mempamer kebolehan diri, seterusnya berjaya dalam bidang masing-masing. Semoga dengan kejayaan ini dapat menjadi pemangkin kepada atlet yang lain dalam mencipta kejayaan dalam sukan yang dipertandingkan.

Buat julung kalinya juga, Malaysia melakar sejarah dengan memenangi dua pingat emas pada temasya Paralimpik dan lebih manis lagi, satu daripada kemenangan itu mencipta rekod baharu dunia.

Pingat emas pertama dimenangi Mohamad Ridzuan Mohamad Puzi pada Sabtu di Rio de Janeiro, dalam acara 100m T36 (celebral palsy) dan pingat emas kedua diraih Muhammad Ziyad Zolkefli dengan rekod baharu dunia dalam acara lontar peluru F20 (masalah pembelajaran).

YB DATO SRI ROHANI ABDUL KARIM
11 SEPTEMBER 2016

Maklumat lanjut, sila hubungi:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Ara 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1100/1087 E-mel: ukk@kpwkm.gov.my